

Headline **Wanita perlu berani persoal status kesihatan pasangan**  
Date **25 Sep 2011**  
MediaTitle **Berita Minggu**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**  
Page No **10,11**  
Article Size **268 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,053**  
PRValue **21,159**



# Wanita perlu berani persoal status kesihatan pasangan

**K**UALA LUMPUR: Wanita perlu merancang kesihatan diri dan berani bertindak mempertahankan hak asasi diri dengan mempersoalkan status kesihatan pasangan masing-masing, kata Pengerusi Yayasan Pink Triangle (PT), Hisham Hussein.

Katanya, berdasarkan demografi statistik unit Kawalan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 2010, trend jangkitan HIV buat kali pertama berubah daripada perkongsian jarum suntikan kepada hubungan seksual sama ada secara heteroseksual, biseksual atau homoseksual.

Beliau berkata, sikap terlalu percayakan pasangan, selesa dengan maklumat kesihatan diri suami sebelum ini, tiada pilihan serta takut didera secara fizikal dan emosi apabila mempersoalkan status kesihatan menyebabkan wanita berisiko tinggi sebagai penyumbang HIV menerusi hubungan kelamin.

"Sedih apabila memikirkan wanita tiada ruang membela diri mereka berbanding pekerja seks kerana berasa diri selamat dan berfikiran positif dengan perwatakan suami.

"Kita boleh menipu orang lain namun bukan diri sendiri. Trend utama jangkitan akibat hubungan seksual sama ada heteroseksual atau transgender tidak dapat dipastikan jumlahnya kerana kita tidak tahu aktiviti sebenar pasangan mereka di luar sana," katanya kepada *Berita Minggu*.

Yayasan PT ditubuhkan bertujuan membantu tiga golongan berisiko dijangkiti HIV mahupun AIDS merangkumi orang yang hidup dengan HIV/AIDS (ODHA), pekerja seks wanita dan transgender (maknyah) dan penagih dadah turut bekerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi melengkapkan perkhidmatan sosial kepada golongan ini.

Menerusi perkhidmatan yang disediakan di Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS), golongan berisiko berkenaan didedahkan dengan program kaunseling, rujukan kepada agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pusat persinggahan (drop-in centre) dan pendampingan (outreach).

Dengan bantuan 48 kakitangan, enam program outreach kendalian yayasan yang memerlukan belanja harian sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan sentiasa turun padang mendekati golongan berisiko berkenaan sekali gus mencegah peningkatan jangkitan virus maut itu.

"Pekerja seks misalnya, dibekalkan kondom, panduan menjalani seks selamat dan flyers serta maklumat berguna mengenai penyakit

HIV dan Aids. Situasi pekerja seks yang benar-benar terdesak melakukan pekerjaan itu demi anak dan keluarga amat menyedihkan dan menarik ramai pihak membantu mereka tanpa mempersoalkan pelanggan yang sering kali melanggan serta berisiko tinggi sebagai pembawa virus," katanya.

Dikatakan, golongan dewasa berusia 30 hingga 39 tahun berisiko terdedah pada jangkitan HIV dengan 39,304 kes, diikuti remaja berusia 20 hingga 29 (30,443), 40 - 49 (14,698), 50 ke atas (3,739), 13 - 19 (1,295), 2 - 12 (797), dan kanak-kanak berusia kurang 2 tahun (112).

Sementara itu, kematian akibat HIV dan Aids pada tahun lalu mencatatkan seramai 904 orang dengan kematian tertinggi di Kelantan sebanyak 156 kes diikuti Selangor sebanyak 144 kes, Perlis (11), Kedah (55) Pulau Pinang (21), Perak (73), Kuala Lumpur (57), negeri Sembilan (33), Melaka (29), Johor (94), Pahang (96), Terengganu (71), Sarawak (39), dan Sabah (25).



*Sedih apabila memikirkan wanita tiada ruang membela diri mereka berbanding pekerja seks kerana berasa diri selamat dan berfikiran positif dengan perwatakan suami*

**Hisham Hussein**  
Pengerusi Yayasan Pink Triangle